

Jawab soalan di bawah dengan teliti. *(tanda ✓ bagi jawapan yang betul)*

1. Di antara berikut, manakah **BUKAN** kemahiran proses sains?

Melakar	
Membuat inferens	
Mengukur menggunakan nombor	

2. Pernyataan manakah berkenaan kemahiran proses sains membuat inferens?

Membuat kesimpulan awal yang munasabah	
Membuat kesimpulan akhir yang munasabah	
Membuat kesimpulan yang munasabah	

3. Apakah yang kamu dapat perhatikan berdasarkan gambar rajah di bawah?



Gambar rajah 1.

Kanak-kanak lelaki memakai pakaian sekolah.	
Kanak-kanak lelaki memakai pakaian sukan.	
Kanak-kanak perempuan memakai pakaian sekolah.	

4. Nyatakan inferens kamu berdasarkan jawapan soalan nombor 3 di atas?

Kanak-kanak lelaki memakai pakaian sekolah kerana dia hendak pergi ke sekolah.	
Kanak-kanak lelaki memakai pakaian sekolah kerana dia hendak bersukan.	
Kanak-kanak perempuan memakai pakaian sekolah kerana dia hendak pergi ke sekolah.	

5. Berdasarkan pernyataan berikut manakah **kesimpulan awal** yang munasabah?

Awan berwarna putih kerana sebentar lagi hujan akan turun.	
Pakaian akan kering kerana cuaca cerah dan matahari bersinar.	
Ali berbadan besar dan gemuk kerana suka bersukan.	

6. Apakah yang dapat kamu perhatikan pada gambar rajah di bawah? Nyatakan inferens berdasarkan pemerhatian kamu.



Pokok hidup subur kerana mendapat keperluan asas.	
Pokok mati kerana tidak mendapat keperluan asas.	
Pokok layu kerana tidak mendapat cahaya matahari.	

7. Berdasarkan gambar di bawah apakah kamu dapat perhatian dan nyatakan inferens kamu?



Gambar rajah 3.

Seorang kanak-kanak menggunting gambar patung beruang untuk dilekat ke dalam buku.	
Seorang kanak-kanak sedang melukis gambar patung beruang.	
Seorang kanak-kanak sedang memotong buah untuk dimakan.	

8. Apakah inferens yang dapat kamu buat bila melihat pengemis di pinggir jalan?

Pengemis mengemis di pinggir jalan kerana di miskin.	
Pengemis mengemis di pinggir jalan kerana dia sakit.	
Pengemis mengemis di pinggir jalan kerana dia kaya.	

9. Membuat inferens adalah membuat kesimpulan awal yang munasabah, yang mungkin benar atau tidak benar untuk menerangkan sesuatu peristiwa atau pemerhatian.

Betul	
-------	--

Salah	
-------	--

10. Petunjuk membuat inferens ialah menggunakan maklumat daripada pemerhatian untuk membuat kesimpulan awal yang munasabah.

Betul	
-------	--

Salah	
-------	--

by Cg Rapani